

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PENANG PORT SDN. BHD.

OLEH

NORSUZILAWATI BINTI ZAINOL ABIDIN
SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN MARITIM
FAKULTI PENGAJIAN MARITIM DAN SAINS MARIN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2006

CU: 6164

1100061717

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (UMT)
Universiti Malaysia Terengganu

LI 4 FMSM 1 2006



1100061717
Laporan akhir latihan industri di Penang Port Sdn. Bhd /
Norsuzilawati Zainol Abidin.



PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100061717		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PENANG PORT SDN. BHD.

Oleh

**NORSUZILAWATI BINTI ZAINOL ABIDIN
SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
Jabatan Pengurusan Maritim


Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2006

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **NORSUZILAWATI BINTI ZAINOL ABIDIN (UK 9597)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4799** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pendapat dan pandangan saya berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang di pelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan,




Nama : **NORSUZILAWATI BINTI ZAINOL ABIDIN**

Tarikh : 13 Ogos 2006

Disahkan oleh:



Tuan Haji Abdul Rahim bin Ibrahim,
Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin
KUSTEM



Tn. Abdul Rahim Ibrahim
Penyelia Program
Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)
Jabatan Pengurusan Maritim
Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

PRAKATA

Latihan Industri merupakan satu subjek yang sangat penting dalam program Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) dalam program pengajian di Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM) amnya. Kod kursus bagi Latihan Industri ini ialah PGN 4799. Melalui Latihan Industri, setiap pelatih ditempatkan sama ada di agensi awam atau swasta di mana pelajar berpeluang untuk belajar pemerhatian dan penglibatan secara langsung di dalam sesuatu pekerjaan.

Pada dasarnya Latihan Industri bertujuan untuk melatih pelajar supaya dapat menyesuaikan diri dengan pekerjaan yang sebenar dan juga memberi peluang kepada pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman di luar kampus. Latihan industri yang dilalui mendedahkan pelatih dengan teori yang dipelajari di kampus dan mempratikkannya semasa menjalani Latihan Industri. Melalui Latihan Industri juga pelatih turut didedahkan dengan alam pekerjaan yang sebenar dan kemahiran asas yang berkaitan dengan program pengajian yang diambil.

Dengan adanya latihan industri ini, pelatih akan mendapat keyakinan yang tinggi sekiranya berhadapan dengan tugas yang diberikan kelak. Laporan ini juga merupakan sebahagian daripada syarat yang ditetapkan oleh pihak fakulti. Dengan adanya laporan ini, membolehkan penyelia industri pelatih dari pihak Fakulti menilai pencapaian pelatih ketika menjalani latihan di organisasi berkenaan.

PENDAHULUAN

Latihan industri merupakan satu kursus yang penting dalam program pengajian di Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM), KUSTEM, sebagai syarat untuk mendapatkan ijazah. Bagi pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Maritim), mereka ditempatkan di agensi awam atau swasta selama 12 minggu bermula pada 17 April hingga 7 Julai 2006. Penempatan pelajar di organisasi tertentu mengikut bidang masing-masing ini memberi peluang kepada pelajar untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung suatu bidang pekerjaan. Pada masa yang sama, pelajar juga berpeluang mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah agensi. Objektif utama latihan industri adalah untuk memberi pengalaman dan kemahiran asas profesional yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing selain mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan. Di samping itu, latihan industri juga dapat menjalinkan dan mengekalkan hubungan dengan alam profesional dalam bidang masing-masing. Melalui latihan industri, pelajar dapat menunjukkan kebolehan mereka dalam bidang pekerjaan dan memahami apa yang diperlukan dalam kerjaya masing-masing. Ini adalah persediaan memasuki alam pekerjaan, dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduat nanti.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah kurniaNya pelatih dapat menyempurnakan dan menamatkan tempoh Latihan Industri selama 12 minggu di Penang Port Sdn Bhd serta dapat menyiapkan laporan ini.

Jesteru itu, dikesempatan dan ruang yang terhad ini pelatih ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menjayakan program dan laporan akhir latihan industri ini. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Tuan Haji Abdul Rahim bin Ibrahim selaku penyelia pelatih di KUSTEM dan kepada Kapten Ruslan bin Abdul Aziz iaitu penyelia di Penang Port Sdn. Bhd. yang memberikan banyak pandangan, nasihat serta tunjuk ajar kepada pelatih. Tidak lupa juga ucapan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan Unit Marin dan juga unit-unit lain di PPSB kerana membantu pelatih sepanjang tempoh menjalani latihan di sana. Kepada semua yang terlibat, budi dan jasa anda semua tetap dikenang.

Istimewa buat kedua ibu bapa yang banyak berkorban wang ringgit serta memberi sokongan padu kepada pelatih selama ini, semoga kalian di Rahmati Allah selalu serta dipanjangkan umur dan sihat hingga ke akhir hayat. Buat rakan-rakan seperjuangan, selamat maju jaya dan terima kasih atas bantuan yang dihulurkan oleh kalian selama ini.

ISI KANDUNGAN

PRAKATA	ii
PENDAHULUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
RINGKASAN EKSEKUTIF	x
BAB 1 LATAR BELAKANG ORGANISASI / SYARIKAT	
1.0 Pengenalan	1
1.0.1 Sejarah Ringkas Organisasi	1
1.0.2 Pemilikan	4
1.0.3 Tumpuan Pasaran	5
1.0.4 Pendekatan Untuk Memajukan Organisasi	7
1.1 Maklumat Syarikat	9
1.1.1 Misi Syarikat	10
1.1.2 Visi Syarikat	11
1.1.3 Pejabat PPSB	11
1.2 Carta Organisasi	13
1.2.1 Struktur Korporat	15
1.2.2 Portfolio Ahli Lembaga Pengarah	17
1.3 Aktiviti Syarikat	20
1.3.1 Pengendalian Perkhidmatan Kontena	20

1.3.2	Pengendalian Perkhidmatan Kargo	22
1.3.3	Perkhidmatan Feri dan limbungan	23
1.3.4	Perkhidmatan Marina	25
1.3.5	Perkhidmatan Hidrografi dan <i>Dredging</i>	25
1.3.6	Perkhidmatan Pemaliman dan Penundaan	27
1.3.7	Perkhidmatan Keselamatan dan Bomba	28
1.3.8	Kemudahan Kapal Pelancong	28
1.3.9	Pusat Kawalan Pelabuhan	29
1.4	Kemahiran yang Ingin Dipelajari	29
1.4.1	Mengetahui Latar Belakang Organisasi	30
1.4.2	Mengenalpasti Aktiviti Yang Dijalankan Syarikat	31
1.4.3	Sistem Kerja yang Dilaksanakan oleh Syarikat	31
1.4.4	Mengetahui Bidang Kerja Sektor Yang Ditempatkan	31
1.4.5	Mengenalpasti Masalah Yang Dihadapi Syarikat	32
1.4.6	Fungsi dan Tanggungjawab Menara Kawalan	32
1.4.7	Mengendali dan Menggunakan Peralatan Pejabat	32

BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.0	Sistem Kerja Penyelenggaraan	34
2.0.1	Pengenalpastian Masalah	38
2.0.2	Cadangan Penyelesaian	38
2.1	Sistem Kerja Operasi Pemaliman dan Penundaan	39
2.1.1	Pengenalpastian Masalah	43

2.1.2	Cadangan Penyelesaian	44
2.2	Sistem Kerja Operasi Terminal Feri	44
2.2.1	Pengenalpastian Masalah	48
2.2.2	Cadangan Penyelesaian	49
2.3	Sistem Kerja Operasi Ketibaan Kapal	50
2.3.1	Pengenalpastian Masalah	53
2.3.2	Cadangan Penyelesaian	53
BAB 3	PENUTUP	
3.0	Cadangan Keseluruhan dan Penutup	55
RUJUKAN		57
LAMPIRAN		58

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Feri PPSB	23
Jadual 2	Kadar Tambang Feri	24
Jadual 3	Jadual Latihan Industri di PPSB	30

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Carta Organisasi PPSB	14
Rajah 2	Terminal Kontena NBCT	20
Rajah 3	Dermaga Butterworth	22
Rajah 4	Terminal Feri	23
Rajah 5	Tanjong City Marina	25
Rajah 6	Bot Tunda PPSB	27
Rajah 7	Kebakaran Gudang di Pelabuhan	28
Rajah 8	Kapal Pelancong	28
Rajah 9	Carta Alir Sistem Penyelenggaraan	37
Rajah 10	Carta Alir Sistem Operasi Pemaliman Dan Penundaan	41
Rajah 11	Carta Alir Sistem Operasi Terminal Feri	47
Rajah 12	Carta Alir Sistem Operasi Ketibaan Kapal	52

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri(LI) merupakan kursus pelengkap universiti yang diwajibkan ke atas setiap dari pelbagai program di bawah Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM). Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada pengalaman kerja. Melalui LI pelatih boleh memberi tumpuan kepada perancangan dan aplikasi kemahiran pengurusan yang bersesuaian dengan bidang *major* yang dipilih. Selain itu, Latihan Industri (LI) juga merangkumi aspek yang penting dalam penyelidikan seperti objektif kajian, pengenalpastian masalah serta kemahiran menghasilkan satu hipotesis yang baik. Hasil daripada LI juga melatih para pelajar supaya mampu memikul dan melaksanakan tanggungjawab yang diberikan oleh pihak organisasi sepanjang LI dengan penuh dedikasi dan komitmen. Selain itu, LI juga melatih para pelajar berkaitan dengan kemahiran komunikasi dengan cara berhemah serta melatih pelajar supaya tidak terlibat dengan aktiviti yang mencemarkan nama baik KUSTEM. Bagi memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh fakulti, pelatih menjalani LI di Penang Port Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat yang dibentuk di bawah polisi penswastaan kerajaan Malaysia. Di bawah dasar penswastaan, PPSB diperbadankan pada 7 Disember 1993 dan mula beroperasi pada 1 Januari 1994 serta dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan (diperbadankan). Dahulunya PPSB dikenali sebagai Penang Port Commission (PPC) ataupun Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Pada ketika ini, PPC masih diletakkan sebagai sebuah organisasi kerajaan. Penang Port Sdn. Bhd. diketuai oleh Pegerusi Eksekutif yang dinamik dan dibantu oleh sekumpulan pekerja yang dedikasi, berkebolehan dan juga berpengalaman luas dalam pengurusan pelabuhan. Disamping itu, pelatih mengenapasti beberapa masalah dan juga punca yang menyebabkan masalah ini terjadi. Dalam laporan ini juga pelatih turut menyenaraikan beberapa cadangan penyelesaian bagi masalah yang timbul. Kesimpulannya, pelatih berharap cadangan yang diberikan dalam sistem kerja Penang Port Sdn. Bhd. dapat membantu pihak pengurusan menyelesaikan masalah yang wujud serta menjadikan sistem kerja yang lebih bersistematik.